

Lawatan mengejut PM ke Darfur

Daripada BAHAROM MAHUSIN

AL-FASHIR (Darfur) 17 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membuat lawatan mengejut ke wilayah Darfur di barat Sudan selepas Presiden Sudan, Omer Hassan Al-Bashir menggesa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) campur tangan dalam proses damai di wilayah itu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi OIC meninjau sendiri keadaan keselamatan di sini selain bertemu pelarian-pelarian di daerah Al-Fashir yang terletak di Darfur Utara, tidak jauh dari sempadan Sudan-Chad di tengah benua Afrika.

Al-Fashir adalah antara tempat yang menjadi medan terawal konflik etnik di wilayah itu pada tahun 2003. Abdullah menyaksikan bagaimana kestabilan telah kembali ke sini selepas per-

Um- 18/4/2007

Penduduk Darfur menjadi pelarian kerana terdesak dengan situasi di kampung masing-masing dan inginkan pembangunan

golakan berdarah sejak empat tahun lalu.

Dalam sidang akhbar pada akhir lawatan itu, Perdana Menteri mengumumkan bahawa pembangunan menjadi isu kritikal dalam proses damai di wilayah berkenaan dan beliau berjanji akan menggunakan platform OIC untuk memastikan sokongan diberikan kepada usaha kerajaan Sudan dalam melaksanakan perjanjian damai komprehensif di Darfur.

Menurut beliau, institusi kewangan dunia Islam seperti Bank Pembangunan Islam yang berpusat di Jeddah perlu dige-

rakkan untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi membaiki kehidupan penduduk wilayah tersebut.

“Usaha-usaha perlu dibuat bagi mewujudkan situasi menggalakan pelarian kembali ke kampung halaman dengan membina sekolah, bekalan air, perubatan, jaminan hidup dalam damai, keselamatan dan insentif lain,” katanya.

Tegas Abdullah, penduduk Darfur bertindak menjadi pelarian kerana “mereka rasa terdesak dengan situasi di kampung masing-masing dan mereka juga inginkan pembangunan.”

Bertentangan dengan panda-

ngan kuasa Barat mengenai komitmen Sudan, Perdana Menteri turut menegaskan: “Presiden Omer mahukan pendekatan perdamaian dan bukan pendekatan perang.”

Abdullah yang diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Tenaga dan Perhubungan Sudan, Ahmad Awad Al-Jaz berada di Al-Fashir selama dua jam dalam lawatan itu.

Beliau juga dibawa melawat Kem Al-Salam yang menempatkan pelarian selain mengadakan pertemuan dengan pemimpin tempatan.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Abdullah menasihatkan penduduk supaya menyokong usaha damai dan Malaysia akan memikirkan bagaimana bantuan boleh disalurkan.

Krisis di Darfur menelan korban lebih 200,000 orang dan 2.5 juta penduduk menjadi pelarian.

ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri